



Program INTAN Team Integration 2015

Seramai 75 orang warga INTAN dari seluruh kampus telah menghadiri Program INTAN Team Integration yang telah diadakan di INTAN Wilayah Utara pada 4 hingga 6 September 2015. Kursus ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Omar



Dato' Dr. Syed Omar Shariffuddin menyampaikan ucapan

Shariffuddin b. Syed Ikhsan, Timbalan Pengarah Kanan INTAN pada 5 September 2015.

Kursus ini melibatkan aktiviti di sekitar INTAN Wilayah Utara dan Pengkalan Hulu, Perak. Aktiviti di INTAN Wilayah Utara lebih memfokuskan kepada *ice breaking*, pembentukan kumpulan, persaingan, penggunaan elemen iLead-Park dan penyatuan kumpulan besar. Manakala aktiviti di Pengkalan Hulu pula lebih memfokuskan kepada kerjasama pasukan untuk kembara menyelusuri hutan, masuk ke dalam gua dan meredah air sungai. Di sini, peserta dapat menikmati keindahan

alam semulajadi dan menghargai alam sekitar.

Tujuan utama kursus ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan asas dalam pembangunan skil kepimpinan berkumpulan yang



Membina menara belon

diperlukan oleh Team INTAN menerusi *outdoor leadership training*. Selain daripada itu, elemen jaringan hubungan antara Team INTAN juga turut diterapkan untuk melahirkan warga INTAN yang proaktif, produktif dan inovatif di mana setiap warga dibahagikan mengikut kumpulan secara rawak. Ini secara tidak langsung dapat



Kembara di Pengkalan Hulu

melahirkan kumpulan yang berpaksikan *One Team, One Mission & One Vision* di sepanjang program.

Perarakan Sempena Sambutan Hari Kebangsaan

Sambutan Hari Kebangsaan ke-58 Peringkat Negeri Kedah telah diadakan pada 31 Ogos 2015 bertempat di Dataran Balai Besar, Alor Setar, Kedah. Perarakan perbarisan bermula pada pukul 9.00 pagi yang disertai daripada pelbagai agensi pusat dan negeri, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta sekolah-sekolah. INTURA juga telah menghantar kontinjen seramai 35 orang bagi memeriahkan sambutan kemerdekaan. Perarakan perbarisan telah dimenangi oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Majlis Daerah Baling dan Telekom Malaysia. Sementara itu, Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat Daerah Kuala Muda pula telah diadakan pada 2 September 2015

bertempat di Dataran Zero, Sungai Petani, Kedah. Kontinjen INTURA telah berjaya meraih naib johan dalam perbarisan ini dengan membawa pulang wang tunai sebanyak RM 300 dan sijil penghargaan. Johan telah dimenangi oleh Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Muda dan tempat ketiga dimenangi oleh Jabatan Perhutanan Kedah Tengah. Tahniah kepada semua ahli kontinjen yang bersemangat dan memberikan kerjasama sejiwa dalam menjayakan Sambutan Hari Kebangsaan ke-58 ini.



En. Shuhaidy selaku Ketua Kontinjen INTURA menerima hadiah

Top 3 Ways to Make Your Money Work for You

One of the biggest differences between the wealthy and the not as wealthy is that the wealthy people earn interest and everyone else pays interest. It is important to realize that money is a tool that can help you to achieve your goals. In order for you to reach true financial independence you need to have your money begin to work for you--not you for it. Here are three things you can do to start making your money work for you. These three step can also help you break free of the bad financial habits passed down through your family. If you can follow them you will begin to really manage your money.

1. Budget

The most important way to change the way you handle your money is to budget. When you are budgeting you are making your money do what you want it to. By assigning each ringgit to a category you are controlling where your money goes and what it does. This will help you to begin to reach your financial goals.

Your budget is the best tool you have next to your income to really build wealth. Your budget gives you control over your finances, and allows you to make financial decisions at the beginning of the each month. When you master budgeting, you will be able to reach your financial goals more quickly and avoid debt. A budget is similar to a fitness tracker and it helps you monitor your spending and income

2. Get Out of Debt

Do you know how much money you are paying in interest each month? How much of your monthly budget is being eaten up by student loans, car

payments and credit card bills? If you could take all of that money and put it into retirement, it is amazing at how quickly you could save for your retirement and other things that you want. Debt often becomes a burden and limits the choices that you can make. One of the best things you can do with your money is to get out of debt and stay out of debt!

Your debt limits your other opportunities. Just think what you could do with the extra money you would have each month if you were completely out of debt. You may also be able to start your own business or quit a job you hate if you were debt free. Take the time today to start getting out of debt.

3. Save Your Money

Once you have freed up all that extra money from paying off your debt you need to begin saving aggressively. There will be a point when the money you have will earn more than you do in a month. This takes quite a bit of money, and in order for this to happen you need put a large amount away each month. Once you have a six month emergency fund saved, you will need to begin investing your money. This how you can grow your wealth the most effectively. Additionally saving money can help you be prepared to handle the ups and downs that will happen throughout your life.

Saving for an emergency fund may be the first step, but you will begin to really build wealth when you invest. Think beyond savings for retirement and find a good financial planner to help you save and invest your money.

Extract from <http://www.about.com>


Bahan Bacaan Pilihan Bulan September



Bersuci adalah simbol keindahan ajaran Islam dan merupakan asas kesempurnaan ibadah. Buku ini menceritakan Taharah (bersuci) dengan cara yang lebih terperinci dan mudah untuk difahami. Beberapa bab berkaitan taharah seperti najis, istinja, darah wanita, air manusia, mandi dan sunat-sunat fitrah dihuraikan dengan jelas, padat dan lengkap supaya ia dapat menjadi rujukan kepada semua pihak pada bila-bila masa.



Buku ini menggabungkan elemen-elemen terbaik iaitu motivasi sains, rekabentuk permainan, dan pengurusan yang efektif untuk mempengaruhi tingkah laku manusia untuk melakukan kerja-kerja yang lebih baik. Ianya juga dapat menggantikan model kepimpinan yang lama dengan satu kolaborasi dan inisiatif individu. Buku ini juga menunjukkan bagaimana untuk membuka kunci karya kreatif, produktif dan kerjasama.



Buku ini meneroika proses yang merangkumi konsep, reka bentuk, pembuatan, penilaian dan penggunaan barang-barang kreatif. Buku ini juga memuatkan kajian kes keatas syarikat-syarikat ternama dan mendedahkan beberapa faktor yang membimbing dan menghalang proses kreatif. Penulis mendedahkan bagaimana kekangan yang menjejaskan kerja kreatif akhirnya menyumbang kepada pembangunan kreativiti.

PERBARISAN HARI KEBANGSAAN



PAKAT2 PEJAM

PANDANGGG...
KANAN!!!

INTAN
WILAYAH UTARA

ISH..DAN LAGI DOK
LAMBAI TANGAN
TU... PANTANG
NAMPAK KAMERA!

AWAT YANG SENGET2
NI ILAH... MAI KAK
DAH BETOIKAN

HENSEM KAN AKU?



APA PERASAAN ENCIK BILA
INTURA DINOBATKAN
SEBAGAI NAIB JOHAN?



NI DOK PASANG STRATEGI KA
DOK TENGAH MENGUMPAAT?



TERHARU SUNGGUH...
TAK SANGKA BOLEH
MENANG...



PERASANI NAK
JAWAB IKHLAS
KA DAK NI?



KONTINJEN TERSENYUM BANGGA DENGAN KEMENANGAN YANG DIKECAPI

Hadis Pilihan

Kelebihan Surah al-Ikhlas

Hadis

Daripada Anas RA bahawa seorang lelaki berkata, “Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku sangat suka kepada surah ini, “(al-ikhlas)” lalu Baginda pun bersabda, “Sesungguhnya kesukaanmu pada surah ini akan memasukkan engkau ke dalam syurga”.

(Hadith Riwayat at-Tirmizi katanya hadith Hasan)

Dan al-Bukhari juga ada meriwayatkan dalam kitab sahih sebagai taklik.

Huraian

1. Al-Qur'an al-Karim mengandungi semua cabang Islam dan iman iaitu aqidah, syariah, dan akhlak sedangkan ilmu tauhid itu meliputi di dalam surah al-ikhlas.
2. Orang yang membaca surah al-ikhlas akan mendapat pahala yang sangat besar bersamaan dengan membaca sepuluh juzu' daripada keseluruhan al-Qur'an.

Sumber: JAKIM

Tahukah Anda

Imej janaan komputer (bahasa Inggeris: **Computer-generated imagery** dipendekkan sebagai **CGI**) merupakan aplikasi grafik komputer ke kesan khas dalam filem, rancangan televisyen, iklan televisyen, pensimulasi dan simulasi umumnya, dan media cetak. CGI digunakan untuk kesan visual kerana kesan lebih terkawal berbanding proses fizikal yang lain, seperti membina miniatur untuk kesan rakam atau orang ramai, dan kerana ia membenarkan pembuatan imej yang tidak mampu dilakukan oleh teknologi lain. Ia juga boleh membenarkan seorang artis menerbit kandungan tanpa penggunaan pelakon, hiasan, atau barang lakonan.

Sumber: www.wikipedia.com

Kursus Sepanjang Oktober 2015

KURSUS BERJADUAL


1. Program Transformasi Minda
04/10/2015 hingga
08/10/2015
2. Kursus Kecemerlangan Pasukan Organisasi/Jabatan – HSJ
05/10/2015 hingga
09/10/2015
3. Kursus Kecemerlangan Pasukan Pemandu
19/10/2015 hingga 22/10/2015
4. Bengkel Pengurusan Fail dan Rekod
05/10/2015 hingga 09/10/2015
5. Kursus Kecemerlangan Pasukan Organisasi/Jabatan –
SUK Pulau Pinang
28/10/2015 hingga 01/11/2015
6. Bengkel Penyediaan MPK dan FM (Khas untuk Jabatan)
19/10/2015 hingga 22/10/2015



1 Sentiasa Di Hadapan Memacu Transformasi Melalui Pembelajaran



INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA
KAMPUS WILAYAH UTARA
PETI SURAT 94, JALAN KUALA KETIL
08007 SUNGAI PETANI, KEDAH
Tel : 04-4218321 Fax : 04-4214489

 www.intanbk.intan.my/intura

 maklumbalas@intura.intan.my

 INTAN Kampus Wilayah Utara

SEMINAR/ KURSUS KHAS

1. Wacana UPP
05/10/2015
2. Bengkel Fail Meja INTURA
11/10/2015 hingga 13/10/2015
3. Kursus Microsoft Powerpoint INTURA
26/10/2015 hingga 28/10/2015

Untuk pertanyaan kursus hubungi : **Setiausaha Kursus**

04-4218321

samb. **238** (En. Zamri b. Mohd Noor/Pn. Nazmeen bt. Shaik Daud)
samb. **118** (Pn. Mimi Noorzan bt. Abd Hamid/ Pn. Zuraida bt. Chin)